



## PERTUBUHAN PERTOLONGAN WANITA

### Teraniaya

- Siti – sering dicaci oleh suami sebagai tidak berguna dan seorang pelacur
- Fong – sering diseksa dengan teruk oleh suaminya
- Indra – sering dihina setiap kali dia meminta wang keperluan dapur
- Mary – sering didera secara seksual oleh suami sendiri

### WANITA-WANITA INI DATANG KE PUSAT PERTOLONGAN WANITA UNTUK MENDAPATKAN PERLINDUNGAN

#### Apakah Pusat Pertolongan Wanita?

Suatu tempat yang selamat untuk wanita-wanita yang teraniaya secara fizikal dan mental serta anak-anak mereka untuk tinggal buat sementara waktu.

#### Siapakah yang boleh datang?

Wanita yang sedang menghadapi krisis rumahtangga sama ada mempunyai anak atau tidak, bolehlah datang ke pusat kami dengan temujanji. Pusat Pertolongan Wanita memberi perlindungan kepada semua wanita tanpa mengira keturunan atau agama.

#### Perluakah saya membayar?

Tidak. Pusat kami akan menyediakan makanan dan tempat tinggal. Perbelanjaan lain adalah dibawah tanggungan sendiri.

#### Bagaimana keadaan di sana?

Anda berpeluang bertemu dengan wanita-wanita dan kanak-kanak yang senasib dengan anda. Wanita-wanita yang menginap di Pusat kami bertanggungjawab menjaga perjalanan pusat kami kerana ia bukan sebuah asrama yang mempunyai penguasa.

#### Bolehkah saya membawa anak saya bersama?

Anda boleh membawa mereka bersama sekiranya anda merasa bimbang untuk meninggalkan mereka. Dengan cara ini, ia memudahkan anda mengambil tindakan undang-undang sekiranya anda rasa ianya perlu.

#### Apakah yang akan terjadi selepas saya berada di pusat itu?

Anda berpeluang menikmati ruang yang bebas dari ketegangan dan keganasan yang anda alami semasa berada di rumah. Anda juga akan mempunyai masa dan ruang untuk memikirkan secara mendalam rancangan anda seterusnya.

### §Khidmat Kaunseling (Bimbingan/Panduan)

#### §Tindakan undang-undang

Anda boleh memutuskan sendiri sama ada untuk mengambil tindakan undang-undang atau tidak. Contoh: perintah perlindungan, penceraian, penjagaan dan hak memelihara anak-anak. Pusat kami akan membantub anda bagi mendapatkan peguam dan bantuan guaman.

#### Berapa lama saya boleh menetap di pusat itu?

Ini akan bergantung kepada keperluan anda. Pusat kami membenarkan anda menetapkan untuk beberapa hari atau beberapa bulan.

#### Jika saya tidak memerlukan tempat perlindungan akan tetapi ingin meminta nasihat?

Pusat kami juga menyediakan kaunseling melalui telefon. Anda boleh berbincang dengan pegawai-pegawai yang bertugas mengenai masalah yang anda hadapi seperti hak dan pilihan-pilihan anda, melalui telefon atau anda boleh berjumpa dengan kami setelah membuat temujanji.

### PERTUBUHAN PERTOLONGAN WANITA

adalah satu pertubuhan bukan kerajaan. Kami terdiri dari pekerja-pekerja yang bergaji dan juga sukarelawan yang mengambil berat tentang penganiayaan terhadap wanita.

Talian Am: 03-7957 0636 /  
03-7957 5636

Talian Kaunseling Am: 03- 7956 3488

Talian Keganasan Seksual:

Tel No: 03- 7960 3030

Fax No: 03- 7956 3237

E-mail : wao@po.jaring.my

Website: www.wao.org.my



Brosur dibiayai oleh  
United Nations Population  
Fund (UNFPA) Malaysia

P.O. BOX 493, JALAN SULTAN, 46760 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

TEL: 03-7957 5636/0636 FAX: 03-7956 3237

E-mail: wao@po.jaring.my Website: www.wao.org.my

COUNSELLING LINE: 03-7956 3488